

MINIT MESYUARAT SIG PPS BIL1/2011

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.11.01	ALUAN Pengerusi		
	<p>Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah.</p> <p>Pengerusi mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat SIG PPS Bil 1/2011.</p>	Makluman	
MINIT 1.11.02	MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT SIG PPS 2/2010		
	<p>Mesyuarat mengesahkan minit Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2010 dengan pindaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ejaan UteM pada senarai kehadiran dibetulkan kepada UTeM ii. Minit 2.10.05. En. Mohd Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM) telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha, dan nama beliau tidak dimasukkan di dalam minit. 	Makluman	
MINIT 1.11.03	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
MINIT 1.11.03.1	<p>Pembelian Server Baru PERPUN</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa instalasi OS telah siap dilaksanakan pada server Portal PERPUN dan data dari server MyTO dan MyULIS yang lama telah dipindahkan ke server yang baharu. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa data MyTO dan MyULIS perlu di muat naik semula dengan data yang baharu dan terkini mengikut struktur yang telah ditetapkan oleh pihak IDEC, UPM.</p>	Makluman	

MINIT MESYUARAT SIG PPS BIL1/2011

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.11.03.2	<p>Direktori Pustakawan PERPUN (IPTA, IPTS dan GLC)</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa, paparan direktori Pustakawan PERPUN telah dibina di dalam laman web PERPUN yang baharu, dan setiap ahli SIG perlu memasukkan sendiri senarai nama Pustakawan yang terdapat di Perpustakaan Universiti masing-masing. Maklumat yang perlu dimasukkan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Nama Pustakawan ii. Jawatan iii. E-mel iv. Telefon pejabat v. Kelulusan 	Semua Ahli	
MINIT 1.11.04	PORTAL MYUNINET (PERPUN)		
MINIT 1.11.04.1	<p>Status Portal MYUNINET, MyTO dan MyULIS</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa, di dalam Mesyuarat Majlis PERPUN yang diadakan pada 18 Januari 2011, semua ahli Majlis PERPUN telah bersetuju supaya data yang lama perlu dibuat <i>backup</i> dan dipadam, dan kemudian data yang terkini di muat naik semula ke pangkalan data MyTO dan MyULIS.</p> <p>Demo pengenalan Portal PERPUN telah dilakukan oleh UPM kepada semua ahli Mesyuarat. Ahli Mesyuarat telah memberi maklum balas, cadangan dan pandangan berikut.</p> <p>Mesyuarat bersetuju:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menambah 3 ruangan <i>subject</i> di dalam rekod tesis (MyTO). ii. Memasukkan pautan repositori Institusi (IR) pada portal PERPUN. 	Semua Ahli	Sekretariat Portal

MINIT MESYUARAT SIG PPS BIL1/2011

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.11.05	PENJENAMAAN SIG PPS		
	<p>Pengerusi telah memohon pandangan dan cadangan daripada semua ahli. Beberapa cadangan dan pandangan nama telah dikemukakan oleh ahli antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. MyICT ii. MALIS iii. SLG iv. MySysLib v. SYSLIG <p>Ahli-ahli diminta untuk mengemukakan cadangan-cadangan lain kepada setiausaha. Mesyuarat bersetuju supaya keputusan akan di buat pada mesyuarat akan datang.</p>	Semua Ahli	Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2011
MINIT 1.11.06	REMOTE ACCESS ONLINE DATABASE		
	<p>Pengerusi mencadangkan perkongsian sumber maklumat <i>Online Database</i> secara <i>remote access</i> dilakukan antara perpustakaan-perpustakaan yang menjadi ahli PERPUN.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya pihak UIAM membuat kajian lanjut terlebih dahulu dan kemudian akan dibentangkan pada mesyuarat yang akan datang.</p>	UIAM	Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2011
MINIT 1.11.07	ENJIN CARIAN KATALOG PERPUSTAKAAN		
	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa, UUM telah membina 1 enjin carian Katalog Perpustakaan yang membolehkan carian bahan antara beberapa perpustakaan dilakukan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk menghantar rekod bibliografi (<i>MARC/ISO Standard</i>) bahan di perpustakaan masing-masing kepada UUM untuk di buat ujian. Sistem ini akan di bentangkan oleh pihak UUM pada mesyuarat yang akan datang.</p>	UUM, Semua Ahli	Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2011

MINIT MESYUARAT SIG PPS BIL1/2011

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.11.08	POLISI REPOSITORI INSTITUSI (IR)		
MINIT 1.11.08.1	<p>Perkongsian Maklumat Sistem EPrints</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan supaya membuat <i>backup</i> pada sistem EPrints yang digunakan oleh beberapa perpustakaan IPTA dan IPTS. <i>Backup</i> ini penting untuk tujuan pindahan data dan penukaran <i>server</i>.</p>	Makluman	
MINIT 1.11.08.2	<p>Polisi Repositori Institusi (IR)</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya perbincangan lanjut diadakan dengan dipengerusikan oleh UPM dan disertai oleh wakil-wakil daripada UPM, UKM, UIAM, UM, UTM, MMU, UUM dan UniMAP.</p> <p>Polisi IR ini perlu mendapat nasihat dan kelulusan daripada Bahagian Undang-undang Universiti masing-masing dan dibentangkan kepada pihak Pengurusan Universiti jika perlu.</p>	UPM, UKM, UIAM, UM, UTM, MMU, UUM, UniMAP	
MINIT 1.11.09	HAL-HAL LAIN		
MINIT 1.11.09.1	<p>Cadangan tarikh Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2011</p> <p>Mesyuarat telah bersetuju bahawa, Mesyuarat SIG PPS Bil 2/2011 akan diadakan pada pertengahan bulan Julai 2011 bertempat di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, (UUM).</p>	Makluman	
MINIT 1.11.09.2	<p>Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011 akan diadakan pada 5 hingga 7 Julai 2011, bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.</p>	Makluman	

MINIT MESYUARAT SIG PPS BIL1/2011

Bil.	Perkara	Tindakan	Tarikh
MINIT 1.11.09.3	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dan akan disambung pada sebelah petang dengan sesi pembentangan dan latihan Portal PERPUN, MyTO dan MyULIS.		

Disediakan oleh :

En. Muizzudin Kaspol
Setiausaha

Disahkan oleh:

Pn. Sarifah Abdullah
Pengerusi

[salinan elektronik tidak memerlukan tandatangan]